



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

27 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)

US Meat Industry Poised For Major Gains in Malaysia Under Trade Deal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	News	Dalam Talian	24 Nov



A barn in the United States of America. Photo by The U.S. Meat Export Federation, posted on Facebook on July 4, 2022.

The US Meat Export Federation (USMEF) says ART can unlock US\$50m-US\$60m in beef exports, giving the US an 8%-10% share of Malaysia's import market. USMEF welcomes the trade pact's removal of "onerous" facility registration requirements by Malaysia's DVS.

KUALA LUMPUR, Nov 24 — American red meat producers expect a surge in shipments to Malaysia, following the Malaysia-United States Agreement on Reciprocal Trade (ART) that is

set to ease long-standing restrictions on imported beef and pork.

The United States Meat Export Federation (USMEF) – which represents US beef and pork producers – said it anticipates US\$50 million (RM208 million) to US\$60 million (RM250 million) in annual beef exports to Malaysia once the bilateral trade pact is fully implemented. This suggests the US could newly capture between 8 and 10 per cent of Malaysia's beef import market.

Joe Schuele, USMEF senior vice president of communications, told CodeBlue that although Malaysia imported nearly US\$600 million (RM2.5 billion) in beef in the first eight months of this year, “almost none of this was sourced from the US.”

“If market access improvements for US beef and pork are implemented, the US industry will be better able to meet Malaysian consumers’ demand for high-quality red meat,” Schuele said in an email response.

Beyond beef, US pork exports to Malaysia peaked in 2024 at about US\$25 million (RM104 million). “Exports have trended lower this year, but improved market access would give Malaysian importers a wider range of potential suppliers,” said Schuele, though he did not offer specific volume projections for pork.

In its 2024 annual report, USMEF president and chief executive Dan Halstrom described Malaysia as a “relatively new market” that nevertheless “contributed greatly” to the strong global performance of US pork last year. He cast Malaysia as part of a broader effort to reduce the industry’s reliance on major buyers like China, grouping it with Cuba as an

emerging opportunity market that could help stabilise demand.

At the centre of the projected growth is a major regulatory shift. Malaysia will no longer conduct its own plant-by-plant approvals of US facilities and will instead recognise the US Department of Agriculture’s (USDA) Food Safety and Inspection Service (FSIS) directory as the official list of eligible exporters of meat, poultry and egg products.

The ART requires Malaysia to recognise US food safety, sanitary and phytosanitary (SPS) measures for meat, poultry, dairy and certain agricultural products, streamlining import eligibility by accepting US federal inspection directories and limiting Malaysia’s ability to impose additional approval requirements.

The agreement also commits Malaysia to adopting zone-based restrictions during animal disease outbreaks, such as African swine fever (ASF) and highly pathogenic avian influenza (HPAI), reducing reliance on nationwide bans. US agricultural groups have publicly celebrated the deal as providing “unprecedented access” to the Malaysian market.

Despite the anticipated increase in US meat shipments, American producers do not expect US beef or pork to undercut local prices or regional imports.

“US red meat generally targets the higher end of the market, so price is not the primary selling point,” said Schuele. “Rather, importers appreciate the quality and consistency of US beef and pork.”

USMEF Says Malaysia's Facility Approvals Are 'Onerous'

USMEF offered direct criticism of Malaysia's longstanding facility registration system overseen by the Department of Veterinary Services (DVS).

“Malaysia currently imposes onerous facility registration requirements that do nothing to enhance food safety or quality. These requirements have led many prospective US suppliers to lose interest in the market,” said Schuele.

“Simplifying these requirements and recognising all federally inspected US establishments as eligible will widen the field of potential suppliers and give Malaysian importers far more options from which to

source products.”

The federation said Malaysian consumers could rely on the same oversight that governs meat sold in the US and in other countries that recognise the USDA's regulatory system.

“Malaysian consumers will receive products from the same establishments that produce red meat for the domestic US market and for markets across the world that recognise the USDA's ability to properly regulate and oversee processing plants,” said Schuele.

USMEF added that USDA-FSIS inspection processes are recognised internationally as capable of ensuring the safety and quality of US red meat products even during animal-disease outbreaks.

“The US is completely free of African swine fever, but USDA's Animal and Plant Health Inspection Service (APHIS) oversees animal health and Malaysia has agreed to recognise the US regionalisation process if there were a future outbreak,” said Schuele.

The federation further noted that ractopamine, a feed additive banned in some markets, has become uncommon in US pork production.

“Ractopamine use is now very rare in US pork production. But for both US pork and beef, maximum residue levels for ractopamine – as internationally recognised by Codex – are enforced by regulators in the US (FSIS) and in a host of trading partner countries such as Japan, Korea, and Taiwan.

“Products available to consumers in Malaysia will be subject to these same safeguards,” USMEF said.

The US industry’s forward-leaning projections and positive reaction to Malaysia’s regulatory concessions come as Malaysian government agencies, including the Ministry of Agriculture and Food Security and DVS, have declined to comment publicly on the implications of ART for food safety, disease surveillance, and halal integrity.

A veterinary expert previously warned that the shift from blanket country-wide bans to zone-based disease controls will place heavy demands on Malaysia’s surveillance, data sharing and border-inspection systems.

Gopeng MP Tan Kar Hing from the ruling coalition has also urged parliamentary

scrutiny of the trade pact, citing gaps in regulatory capacity.-[CODEBLUE](#)

ART Risks Undermining Malaysia's Veterinary Authority, Consumer Trust, Warns Mavma			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	News	Dalam Talian	25 Nov



*Malaysian Veterinary Medical Association (Mavma) president Dr Chee Liung Wun.
Photo courtesy of Mavma.*

KUALA LUMPUR, Nov 25 — Malaysia risks weakening its control over food safety, biosecurity, and halal standards under its new trade pact with the United States, the Malaysian Veterinary Medical Association (Mavma) said.

Mavma president Dr Chee Liung Wun told CodeBlue that the Malaysia-US Agreement on Reciprocal Trade's (ART) requirement for automatic recognition of American food safety systems could limit Malaysia's ability

to carry out its own checks.

"The automatic recognition of US food safety systems and maximum residue limits (MRLs) could reduce Malaysia's capacity to apply its own risk assessments," Dr Chee said in a statement.

He said Malaysia's Department of Veterinary Services (DVS) should retain the authority to carry out "independent verification and equivalence evaluation" to ensure imported products continue to meet national

safety and public health expectations.

Dr Chee said while Mavma supports international trade that is grounded in science and promotes mutual economic growth, Malaysia's veterinary sovereignty "must remain paramount" when implementing the agreement.

"Mavma believes that automatic recognition without adequate safeguards could undermine both veterinary authority and consumer trust," he said.

The response comes as government agencies, particularly DVS and the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), remain silent on how the trade pact will be implemented across animal-based imports. Mavma said that while it supports international trade, the implementation of the agreement must not dilute national oversight.

Under ART, Malaysia must recognise US food safety, sanitary and phytosanitary (SPS) systems for meat, poultry, dairy, and certain agricultural products, streamlining import eligibility by accepting US federal inspection directories and limiting additional approval requirements.

The agreement also commits Malaysia to adopting zone-based restrictions during animal disease outbreaks, such as African swine fever (ASF) and highly pathogenic avian influenza (HPAI), replacing nationwide bans.

American agricultural groups have publicly welcomed the deal as providing "unprecedented access" to the Malaysian market. The US Meat Export Federation (USMEF) said the pact could unlock US\$50 million to US\$60 million in annual beef exports after Malaysia agreed to accept US federal inspection directories instead of local plant approvals by DVS, which the group had described as "onerous" and as adding no value to food safety.

Dr Chee said ART's requirement for Malaysia to adopt zone-based disease controls for HPAI and ASF must be approached with caution. ASF remains endemic in parts of Malaysia and the country continues to rely heavily on imported meat.

"Given ASF's endemic presence in parts of Malaysia and our reliance on imports, strict traceability, disease surveillance, and verification of 'disease-free zones' are essential to prevent the inadvertent introduction or

spread of transboundary diseases,” Dr Chee said.

He added that Malaysia’s HPAI-free status, recognised by the World Organization for Animal Health (WOAH), and its stamping-out policy had successfully contained five previous outbreaks, in contrast to countries that have adopted vaccination strategies.

“The same disease elimination policy and national freedom status should serve as a reciprocal biosecurity standard for countries seeking to export their products to Malaysia, ensuring the integrity of Malaysia’s HPAI-free status,” he said.

Dr Chee also noted that the “forced acceptance of US regionalisation warrants serious concern,” citing frequent spillover events between avian, bovine, feline and swine species reported across various US states.

“Such incidents highlight the risk of potential mutant strains entering Southeast Asia – potentially through Malaysia – at a time when other Asean nations are still grappling with existing HPAI strains,” he said.

Mavma also raised concerns about halal certification under the agreement. Dr

Chee said any acceptance of US halal certifiers designated by the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) “should not bypass Malaysia’s religious and veterinary verification mechanisms.”

He said halal assurance includes animal welfare, slaughter integrity, and food hygiene, describing these as core veterinary responsibilities, and noted that Malaysia’s halal system “has been globally trusted by other Muslim countries.”

Dr Chee said Malaysian authorities should retain the right to conduct on-site audits of foreign establishments, strengthen import risk analysis and border inspection, and maintain transparency with the public on food safety and halal standards.

Mavma also recommended that DVS and relevant ministries establish a joint technical review panel to assess equivalence of MRLs, inspection systems and disease zoning protocols.

“Public confidence in Malaysia’s food safety and veterinary systems depends on transparency and the continued leadership of Malaysian authorities,” Dr Chee said.-[CODEBLUE](#)

394 Permohonan BKHT diluluskan, Melibatkan Nilai RM1.7 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	News	Dalam Talian	25 Nov



Datuk Seri Johari Abdul Ghani

KUALA LUMPUR, 25 November - Bermula 2024 hingga September lepas, kerajaan meluluskan RM1.7 juta melibatkan 394 permohonan Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman (BKHT) akibat serangan hidupan liar.

Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani memaklumkan bagi kawasan Parlimen Gerik pula, 36 permohonan lengkap telah diterima tahun lepas dan daripada jumlah itu, 34 permohonan diluluskan.

Manakala 37 permohonan lengkap telah diterima dan diluluskan dengan jumlah bantuan sebanyak RM186,500 bagi tahun ini sehingga September.

"Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia memandang serius isu kerugian yang dialami pemilik kebun dan penternak akibat kemusnahan tanaman atau ternakan yang disebabkan oleh hidupan liar,

termasuk di Parlimen Gerik.

"Bantuan Kerugian Hidupan Ternak (BKHT) merupakan bantuan kewangan secara one-off yang diberikan kepada kumpulan sasar. Pampasan ini diberikan kepada pemilik kebun dan penternak yang mengalami kerosakan atau kemusnahan harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Gerik Fathul Huzir Ayob berkenaan status pampasan wajar yang akan diberikan kepada pemilik kebun dan penternak di kawasan Parlimen Gerik yang tanaman dan ternakan mereka dimusnahkan hidupan liar.-[BERITARTM](#)

Mansuh Tarif Daging Lembu Kenya Beri Manfaat Kepada Pengguna - Anwar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	News	Dalam Talian	25 Nov



Pengumuman untuk memansuhkan tarif ke atas import daging lembu dari Kenya bertujuan mengurangkan kos untuk pengguna Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Isu lebih penting bukan mengenai memansuhkan atau mengekalkan (tarif) tetapi bagaimana untuk mendapatkan harga yang rendah? Seperti yang anda tahu, harga daging lembu adalah terlalu tinggi (di Malaysia),” kata beliau dalam sidang media pada akhir siri lawatan ke tiga negara di

Afrika.

Beliau berkata Malaysia perlu mengimbangi perlindungan terhadap penternak tempatan dengan keperluan memastikan harga makanan mampu milik dan negara telah mengimport daging lembu dari beberapa negara lain.

“Kos daging di Malaysia adalah tinggi. Kecenderungan kita adalah memperluas dan mempermudah import supaya kos kepada rakyat adalah lebih rendah,” kata beliau.

Mengenai kos memansuhkan tarif untuk kerajaan, Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata: “Ia amat kecil, sangat minimum, sangat tidak signifikan.”

Pada sidang media bersama dengan Presiden Kenya William Samoei Ruto pada Isnin, para pemimpin mengumumkan bahawa selain meningkatkan hubungan dua hala kepada perkongsian strategik, Malaysia turut bersetuju untuk memansuhkan tarif ke atas hasil pertanian dan daging lembu dari Kenya.

Mengulas lanjut pada sidang media, Perdana Menteri berkata tiada keperluan untuk menghadkan import kepada hanya beberapa negara sahaja dan menjadikannya sukar untuk negara yang kurang maju untuk mengeksport ke Malaysia.

“Selagi prosedur dan parameter dipenuhi, tiada sebab untuk mendiskriminasi negara miskin,” kata beliau, sambil menambah agensi termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pertanian perlu memastikan akses yang adil kepada semua.

Anwar berkata walaupun Kenya berminat untuk meningkatkan hasil eksportnya, negara itu turut

merancang untuk meningkatkan import dari Malaysia.

“Sebagai contoh, ia mengimport sejumlah besar minyak sawit dari Malaysia, berjumlah RM1 bilion, yang turut disalurkan ke negara lain di benua lain. Aturan sama dapat dilihat pada kereta Proton kita,” kata beliau.

Ruto turut berminat dalam pembangunan semikonduktor, peralihan tenaga dan industri digital.

Anwar berkata kementerian berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta agensi berkaitan perlu melaksanakannya dan menggunakan peluang untuk manfaat rakyat Malaysia dalam semua sektor.

“Kementerian Luar dan MITI perlu mengurusnya dengan proaktif dan cabaran kita ialah melaksanakan keputusan ini.

“Ia akan menjadi kerugian yang besar jika kita tidak memanfaatkan sepenuhnya semangat sokongan yang amat mesra ini daripada rakan-rakan kita di Afrika,” kata beliau.

Mengenai beberapa memorandum persefahaman

dan pertukaran dokumen antara Malaysia dan Ethiopia serta Kenya, Anwar berkata ia akan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet pada Jumaat supaya tindakan susulan dapat diambil kerana potensinya yang besar.-

[MALAYSIAKINI](#)

Kerajaan Salur RM1.7 Juta Pampasan Kerosakan Akibat Hidupan Liar Kepada Petani, Pekebun Kecil

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	News	Dalam Talian	25 Nov



Datuk Seri Johari Abdul Ghani

Kuala Lumpur: Kerajaan sudah menyalurkan RM1.7 juta sebagai pampasan kepada petani dan pekebun kecil yang terjejas akibat kerosakan yang disebabkan oleh haiwan liar di bawah skim Pampasan Kerosakan Harta dan Tanaman (BKHT).

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, berkata bantuan kewangan yang diperkenalkan pada Mac 2024 itu memberi manfaat

kepada 394 pemohon di seluruh negara sehingga September lalu.

"Skim itu diwujudkan untuk mengurangkan beban petani yang tanaman, harta atau struktur ladang mereka rosak akibat haiwan liar seperti gajah, babi hutan dan monyet.

"Kerajaan mengambil isu ini dengan serius. Melalui skim BKHT, ia menyediakan bantuan kewangan one-off kepada pekebun kecil dan penternak yang mengalami kerugian yang disebabkan

serangan haiwan liar,"
katanya pada sesi jawab lisan
di Dewan Rakyat, hari ini.-
[MYMETRO](#)

Sarawak Lancar Produk Anthelmintik Semula Jadi Untuk Ternakan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	News	Dalam Talian	25 Nov



Datuk Seri Johari Abdul Ghani

KUCHING, 25 Nov: Majlis Biodiversiti Sarawak (SBC) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVS) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membangunkan produk anthelmintik semula jadi bagi ternakan.

Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Dato Sri Roland Sagah Wee Inn berkata kerjasama itu mencerminkan usaha Sarawak memperkukuh keselamatan makanan serta meningkatkan daya tahan ternakan di negeri ini.

“Pembangunan produk anthelmintik semula jadi daripada tumbuhan yang dikenali secara tempatan sebagai Sipudun sejajar dengan aspirasi Malaysia dan Sarawak untuk meningkatkan kemandirian. Ini mengurangkan ketergantungan kepada ubat sintetik import dan mendorong inovasi yang bersumberkan sumber alam dan pengetahuan pribumi,” katanya pada satu sidang media di Dewan Undangan Negeri Sarawak, di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan bahawa MoU ini turut bertujuan memajukan penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi produk anthelmintik semula jadi daripada Sipudun (*Picria felterrae*) untuk digunakan pada ruminan kecil yang terjejas oleh jangkitan parasit.

Roland menegaskan lagi tumbuhan itu membuka peluang bukan sahaja untuk pembangunan negeri, tetapi juga untuk sektor produk semula jadi dan bioteknologi Malaysia dengan potensi pengembangan ke pasaran serantau dan antarabangsa bagi produk kesihatan ternakan semula jadi.

“Tumbuhan ini amat istimewa. Ia dikenal pasti oleh komuniti Bidayuh dan tumbuh melimpah di kawasan sekitar Kuching, terutamanya di Kampung Semedang sepanjang Jalan Tennyson serta Kampung Semuti dan Kampung Timurang sepanjang Jalan Pusat Borneo,” ujarnya.

Terdahulu, MoU itu dimeterai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Datu Adana Jed, bersama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Datu Dr. Adrian Susin Ambud. -TVS

JPVS Runding Kalimantan dan Pulau Pinang Bagi Protokol Eksport Khinzir Hidup			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	News	Dalam Talian	25 Nov



Martin ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu, Datuk Miro Simun pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak ke-19, hari ini. FOTO RAMIDI SUBARI

KUCHING: Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) kini menjalinkan rundingan dengan Kalimantan, Indonesia dan Pulau Pinang untuk mewujudkan protokol eksport bagi khinzir hidup.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Martin Ben berkata usaha itu penting sebagai

tambahan kepada aktiviti eksport khinzir hidup ke Singapura dan Selangor.

“Menjelang 2030, Sarawak akan berupaya menghasilkan 860,000 ekor babi setahun yang bernilai RM1.5 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM723 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu, Datuk Miro Simun pada persidangan

DUN Sarawak ke-19, hari ini.

Tambahnya, JPVS juga akan memperluaskan pasaran dengan menggalakkan penghasilan produk bernilai tambah serta produk hiliran khinzir.

Katanya, kerja-kerja pemantauan masih berterusan dan siasatan ke atas laporan masih dijalankan.

“Bagi pemilikan kecil, JPVS akan meneruskan dan memperluaskan kempen kesedaran biosekuriti ladang sedia ada,” ujarinya.

Mengenai usaha membendung penularan Demam Babi Afrika (ASF), beliau memaklumkan JPVS telah dan akan terus melaksanakan beberapa langkah, termasuk memberikan taklimat kesedaran berterusan kepada masyarakat dan pemain industri; mengekang kemasukan bahan makanan berasaskan khinzir daripada sumber yang tidak dibenarkan; melarang pengimportan produk berasaskan khinzir dari negara yang terjangkit ASF; serta melaksanakan sekatan dan pemantauan terhadap produk khinzir terawat yang perlu mematuhi syarat import.

“Ia juga termasuk

menguatkuasakan larangan pergerakan haiwan dan produk haiwan tanpa kebenaran JPVS serta melarang aktiviti penyembelihan tanpa pemeriksaan di rumah sembelih yang berdaftar.

“Melaksanakan pemantauan, membuat rampasan dan mengeluarkan kompaun terhadap individu yang melanggar peruntukan di bawah Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999; serta memberi khidmat nasihat kepada penternak yang terjejas oleh penyakit ASF dan ingin memelihara semula ternakan, khususnya dalam menaik taraf biosekuriti ladang bagi mencegah jangkitan virus ASF,” jelasnya.-

[SUARASARAWAK](#)

Tumbuhan Liar Sipudun Kini Bernilai Komersial Tinggi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Dalam Talian	25 Nov



Dari kiri, Adana diikuti Sagah, Rundi dan Adrian ketika pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara SBC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVS) di DUN Sarawak, hari ini. | Foto: Ramidi Subari

KUCHING: Sarawak berpotensi menembusi pasaran antarabangsa melalui penghasilan produk berasaskan tumbuhan Sipudun sebagai ubat nyah cacing semula jadi untuk haiwan ternakan.

Menteri Pendidikan, Inovasi dan Bakat (MEITD) Datuk Seri Roland Sagah Wee Inn berkata, perkara itu dapat direalisasikan dengan Sarawak Biodiversity Centre (SBC) berperanan sebagai pusat penyelidikan, manakala

Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD) menjadi model pelaksanaan di lapangan.

“Inisiatif ini menepati aspirasi Sarawak untuk mengurangkan kebergantungan terhadap ubat sintetik import dan membangunkan inovasi berasaskan sumber asli kita sendiri.

“Malah, parasit semakin kebal terhadap ubat sintetik dari

negara pengeluar ternakan utama seperti Australia dan New Zealand.

“Jika kita berjaya menghasilkan produk ini daripada Sipudun, Sarawak berpotensi menembusi pasaran antarabangsa. SBC adalah pusatnya, manakala M-FICORD akan menjadi model pelaksanaan di lapangan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara SBC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVS) bagi membangunkan produk anthelmintik semula jadi untuk ternakan.

Majlis pertukaran MoU yang berlangsung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak itu melibatkan Pemangku Setiausaha Tetap MEITD, Datu Adana Jed, dan Pengarah DVS Sarawak, Datu Dr Adrian Susin Ambud.

Turut menyaksikan majlis berkenaan ialah Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

Sagah berkata, kerjasama tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan produk berasaskan Sipudun (*Picria fel-terrae*), iaitu

tumbuhan yang direkodkan SBC melalui Program Dokumentasi Pengetahuan Tradisional hasil amalan masyarakat Bidayuh yang menggunakannya sebagai ubat darah tinggi dan rawatan cacing.

Hasil penyelidikan awal SBC turut mengesahkan keberkesanan tumbuhan itu sebagai agen nyah cacing untuk ternakan kecil.

“Komuniti di Kampung Semedang, Kampung Sumuti dan Kampung Timurang kini membekalkan bahan mentah kepada SBC melalui model perkongsian manfaat,” ujarnya.

Di bawah MoU berkenaan, SBC akan menjalankan kajian makmal lanjutan termasuk formulasi, kajian kestabilan dan penyediaan dokumentasi piawaian regulatori, manakala DVS akan melaksanakan ujian ladang, penilaian veterinar dan kajian keberkesanan di lokasi ternakan.

Menurutnya, tumbuhan itu sebelum ini dianggap sebagai rumpai dan dibuang kerana rasanya pahit, namun kini terbukti mempunyai nilai komersial.

Menjelas mengenai status perlindungan, beliau berkata, Sipudun belum diwartakan sebagai tumbuhan

dilindungi.

“Jika kajian menunjukkan pulangan tinggi dan permintaan meningkat, barulah kita pertimbangkan dasar khusus untuk melindunginya,” katanya.

Sementara itu, Dr Rundi berkata, Sarawak kaya dengan biodiversiti yang perlu dimanfaatkan secara sistematik.

“Kita tidak boleh bergantung kepada nilai perubatan dari luar. Banyak tumbuhan berpotensi berada di Sarawak. Tanggungjawab kita ialah membangunkan, mempaten dan mengkomersialkannya,” katanya.

Jelasnya, Sipudun hanya ditemui di Asia Tenggara dan penting sebagai agen anti cacing bagi meningkatkan produktiviti ternakan.-
[SUARASARAWAK](#)

DUN Sarawak: Sarawak Sasar RM723 Juta Eksport Khinzir Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	News	Dalam Talian	25 Nov



Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi Dan Pembangunan Wilayah, Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben. Foto TVS

KUCHING, 25 Nov: Sarawak menyasarkan nilai eksport khinzir sebanyak RM723 juta menjelang 2030 dengan memperluas pasaran ke Kalimantan Barat, Indonesia, dan Pulau Pinang selain meneruskan eksport ke Singapura dan Selangor.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben, berkata rundingan berkaitan memperluas pasaran sedang dijalankan melalui Jabatan

Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) bagi mewujudkan protokol eksport baharu untuk meningkatkan kapasiti pasaran khinzir hidup ke luar negeri.

Menjelang 2030, Sarawak dijangka menghasilkan 860,000 ekor khinzir setahun dengan nilai industri mencecah RM1.5 bilion. Daripada jumlah itu, nilai eksport disasarkan sebanyak RM723 juta. JPVS juga akan memperluas pasaran serta menggalakkan penghasilan

produk bernilai tambah dan produk hiliran,” katanya.

Beliau menambah JPVS turut mempromosikan konsep Modern Peak Farming (MPF) yang dipacu sektor swasta dengan pemantauan berterusan, selain memperluas kempen kesedaran biosekuriti ladang kepada penternak kecil bagi memastikan standard eksport dipatuhi.

“Antara usaha membendung penularan African Swine Fever (ASF), kementerian melalui JPVS melaksanakan taklimat kesedaran berterusan kepada masyarakat dan pemain industri mengenai, mengehadkan kemasukan produk makanan berasaskan khinzir daripada sumber tidak dibenarkan, melaksanakan larangan import produk khinzir dari negara yang terjangkit dan pemantauan terhadap produk khinzir terawat dilakukan bagi memastikan pematuhan syarat import.

Di samping itu, penguatkuasaan terhadap individu yang melanggar Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 diteruskan melalui pemantauan, rampasan dan pengeluaran kompaun.

“Kami turut memberi khidmat nasihat kepada

penternak yang terjejas oleh ASF dan kepada mereka yang ingin memulakan semula ternakan, khususnya dalam menaik taraf biosekuriti ladang bagi mencegah jangkitan virus ASF,” jelasnya.

-TVS

505 Penternak Terengganu Terima Bantuan Input Bernilai RM1 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRDI	Berita	Dalam Talian	26 Nov



KUALA NERUS, 26 November – Kerajaan Terengganu terus memperkukuh sektor penternakan negeri apabila menyalurkan RM1 juta bagi membantu 505 penternak yang layak di seluruh daerah, melalui penyediaan peralatan lengkap bagi meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan beban kos pengurusan.

Inisiatif ini menjadi antara langkah strategik kerajaan dalam memastikan industri ternakan kekal mampan serta mampu menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Keterjaminan Makanan Dan Komoditi Negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, agihan itu memberi penekanan kepada penternak yang aktif dan menepati syarat kelayakan jabatan.

"Pelbagai peralatan untuk penternak ruminan dan unggas kita agihkan hari ini.

"Daripada kit penternakan, sprayer, water pump, water jet, brush cutter, fertilizer spreader, alat penimbang digital hingga mesin

chopper, semuanya dirangka untuk melengkapi ekosistem pengurusan ternakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Program Penyerahan Bantuan Input Penternakan dan Program Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan Tahun 2025, di Kampung Banggol Nyior, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Hishamuddin Abdul Karim; Pegawai Daerah Kuala Nerus, Ahmad Azizi Zulkifli; Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu, Dr. Anun Man.

Beliau menjelaskan bahawa pelaksanaan fasa pertama telah selesai melibatkan tiga daerah dengan proses agihan akan disempurnakan sepenuhnya dalam minggu ini.

"Hari ini kita berjaya siapkan agihan di daerah Besut, Setiu dan Kuala Nerus.

"Selebihnya akan kita teruskan dalam tempoh terdekat bagi memastikan semua penerima mendapat peralatan masing-masing," tambahnya.-[TRDI](#)

Hanya Penternak Tulen Layak Terima Lembu Baka Premium

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRDI	Berita	Dalam Talian	26 Nov



KUALA NERUS, 26 November – Kerajaan Terengganu memperkukuh pelaksanaan sistem pawah dengan memastikan hanya penternak tulen menerima lembu baka premium, sekali gus mengelakkan kegagalan program seperti yang pernah berlaku sebelum ini dan memastikan pembiakan ternakan berkualiti berkembang secara berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Keterjaminan Makanan Dan Komoditi Negeri Terengganu, Dato' Dr Azman

Ibrahim kejayaan sistem pawah bergantung kepada penerima yang benar-benar memiliki kemudahan penternakan dan pengalaman sebenar.

"Untuk memastikan program lembu pawah berjaya, penerimanya mestilah penternak tulen.

"Kalau awak tak ada lembu, tak ada kandang, tak ada padang ragut dan tali lembu pun mungkin tak ada, bagaimana awak nak bela lembu supaya membiak?," tegasnya dalam satu kenyataan rasmi beliau

semalam.

tujuan asal," tambahnya.-
TRDI

Beliau menjelaskan bahawa sistem pawah diwujudkan untuk memastikan rantai pembiakan lembu berkualiti dapat berkembang melalui pemulangan anak lembu kepada jabatan bagi diagihkan kepada penternak lain.

"Sistem pawah ini bermaksud penternak mesti memulangkan seekor anak kepada jabatan untuk kita besarkan dan diagihkan kepada penternak lain.

"Induk dan anak-anak lain tetap menjadi milik penternak selagi hayat lembu ada, namun program ini memerlukan komitmen dan disiplin yang tinggi," ujarnya.

Dr. Azman turut menegaskan bahawa kerajaan negeri akan menjalankan pemantauan rapi bagi memastikan ternakan dipelihara mengikut piawaian dan tidak disalahgunakan.

"Kerajaan tak minta banyak, cuma dalam tempoh tiga tahun seekor anak perlu dipulangkan kepada Jabatan Veterinar.

"Pemantauan berkala akan dilakukan untuk memastikan ternakan ini dipelihara dengan baik dan tidak diselewengkan daripada

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR